



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

#maisinggahalorsetar2024  
#bandarayaberdayahuni2035

# PELAN STRATEGIK

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

---

# 2024 - 2028



pbt.kedah.gov.my

PENERBITAN DIGITAL





# ISI KANDUNGAN

*Sidang Redaksi*

*Penaung*  
YBhg. Dato' Haji Mohd Yusri Bin Haji  
Md Daud  
DATUK BANDAR ALOR SETAR

*Penasihat*  
Nasrankamil Bin Noh  
SETIAUSAHA MAJLIS BANDARAYA ALOR  
SETAR

*Ketua Pengarang*  
Bohari Bin Md Yusuf  
PENGARAH JABATAN PERANCANGAN  
Korporat dan Strategik

*Ketua Editor*  
Mohamad Syafiq Bin Mohamad Najib  
KETUA BAHAGIAN KUALITI DAN  
KOMUNIKASI KORPORAT

*Penolong Ketua Editor*  
Yaakob Bin Md. Idris  
KETUA UNIT JABATAN PERANCANGAN  
Korporat dan Strategik

*Maklumat Dan Input*  
Ida Suryani Binti Abdul  
Nur Shamira Binti Zainuddin  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
STRATEGIK, JABATAN PERANCANGAN  
Korporat dan Strategik

*Rekabentuk Konsep & Susunan*  
Mahazan Bin Mansor  
Zarul Syafik Bin Ismail  
Zainon Bin Ismail  
UNIT MEDIA / MBAS TV, JABATAN PERANCANGAN  
Korporat dan Strategik

*Diterbitkan Oleh :*  
**Unit Media / MBAS TV,**  
JABATAN PERANCANGAN KORPORAT  
DAN STRATEGIK  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR, TINGKAT 8,  
MENARA MBAS, JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR  
SETAR, KEDAH

<b>Ucapan Aluan Datuk Bandar</b>	<b>1</b>
<b>Carta Organisasi MBAS</b>	<b>2</b>
<b>1. Ringkasan Eksekutif</b>	<b>3 - 4</b>
<b>2. Data Pelan Strategik 2024 - 2028</b>	<b>5</b>
<b>3. Peranan Majlis Bandaraya Alor Setar</b> - Latar Belakang - Sektor Khidmat Pengurusan - Sektor Kewangan - Sektor Infrastruktur Dan Kemudahan - Sektor Kemasyarakatan Dan Tanggungjawab Sosial	<b>6 - 9</b>
<b>4. Fungsi Dan Peranan Jabatan / Bahagian MBAS</b>	<b>10 - 14</b>
<b>5. Pihak Berkepentingan Dan Pelanggan MBAS</b>	<b>15</b>
<b>6. Analisis Swot (Kekuatan, Peluang, Kelemahan &amp; Ancaman)</b>	<b>16 - 20</b>
<b>7. Visi, Misi &amp; Motto MBAS</b>	<b>21</b>
<b>8. Nilai-Nilai Bersama MBAS</b> - Berdisiplin    - Amanah    - Kerja Berpasukan    - Telus - Adil            - Integriti    - Cekap Dan Berkesan    - Akauntabiliti	<b>22</b>
<b>9. Peranan Majlis Bandaraya Alor Setar</b> Teras 1 : Pengukuhan Kewangan Dan Peningkatan Ekonomi Untuk Kesejahteraan Penduduk Teras 2 : Merealisasikan Alor Setar Ke Arah Bandaraya Berdayahuni Teras 3 : Transformasi Pembangunan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Teras 4 : Memacu Tadbir Urus Terbaik Bagi Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti Teras 5 : Mempertingkatkan Kemudahan ICT Ke Arah Perkhidmatan Berkualiti	<b>24 - 28</b> <b>30 - 36</b> <b>38 - 42</b> <b>44 - 49</b> <b>50 - 53</b>

# UCAPAN ALUAN **DATUK BANDAR**

"Salam Sejahtera dan Salam Bandaraya Berdayahuni 2035"

Alhamdulillah saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, pihak Majlis dapat menyediakan Pelan Strategik MBAS sebagai kerangka perancangan jangka panjang peningkatan hasil MBAS dan pengukuhan kualiti perkhidmatan MBAS supaya berada pada tahap yang terbaik dan terancang dalam tempoh lima tahun akan datang. Pelan Strategik yang baru bagi tempoh 2024-2028 (5 tahun) telah digubal semula sebagai kesinambungan rangka kerja yang strategik bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Pelan Strategik 2024-2028 ini telah digubal secara komprehensif menerusi kajian semula terhadap Pelan Strategik yang lama, bersandarkan perincian fakta dan data laporan prestasi tindakan yang telah dilaksanakan.

Pelan Strategik MBAS ini juga merangkumi strategi-strategi baru yang akan memacu Bandaraya Alor Setar ke Bandar Rendah Karbon dan juga Bandar Pintar. Strategi-strategi yang dirangka ini akan menjadikan Bandar Alor Setar lebih "vibrant" terutamanya berkaitan sektor pelancongan. *"We try our best to create Alor Setar City to be more Energetic, Brightful and Exciting"*. Pelan Strategik ini juga merangkumi pembangunan dan perancangan di Bandar Pokok Sena. Beberapa perancangan telah dirangka supaya Bandar Pokok Sena juga akan turut membangun sepiritama bandar-bandar lain.

Objektif Pelan Strategik 2024-2028 ini menjurus kepada lima keutamaan berikut:

- 1) Memperkuatkan kewangan dan peningkatan ekonomi untuk kesejahteraan penduduk.
- 2) Merealisasikan Alor Setar ke arah bandaraya berdayahuni dan kelestarian alam.
- 3) Mentransformasikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti.
- 4) Memperkasakan tadbir urus terbaik bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan berkualiti.
- 5) Memacu kearah pendigitalan & teknologi perkhidmatan.

Bagi merealisasikan Pelan Strategik MBAS 2024-2028, ianya memerlukan kerjasama strategik secara berterusan dan kolaborasi antara agensi kerajaan dan swasta. Saya juga menyeru semua warga kerja Majlis Bandaraya Alor Setar supaya mempertingkatkan budaya kerja yang berdedikasi, berintegriti dan berinovasi bagi mewujudkan sebuah bandar yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' HAJI MOHD YUSRI BIN HAJI MD DAUD,  
DSDK., SDK., AMK., BCK.**

**DATUK BANDAR ALOR SETAR**

#bandarayaberdayahuni2035





بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

### DATUK BANDAR JUSA 'C' (VU7)

YBHG. DATO' HAJI MOHD YUSRI  
BIN HAJI MD DAUD  
DSDK., SDK., AMK., BCK.

### AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

### PEJABAT DATUK BANDAR

#### BAHAGIAN AUDIT DALAM

PN. NOOR SHUHADA BINTI ELIAS,  
AIA.  
JURUAUDIT (W44)

#### BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

YBrs. Dr. ELINA BINTI MOHD  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG  
(L48)

#### BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT

PN. NURWANI BINTI MAT NASHIR  
PEGAWAI PERANCANGAN BANDAR  
DAN DESA (J44)

#### BAHAGIAN BEKALAN & KONTRAK

EN. MOHAMAD FARIS BIN OMAR,  
BCK.  
JURUURAHAN BAHAN (J44)

#### BAHAGIAN UTC KEDAH

YBrs. Sr. ZAMZAMA BIN MOHD  
PEGAWAI PENILAIAN  
(W44)

#### BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

EN. AHMAD SYAHER  
BIN ABU BAKAR  
PEGAWAI PENGUATKUASA (KP4)

### SETIAUSAHA (N54)

EN. NASRANKAMIL BIN NOH  
AMK., BCK.



# CARTA ORGANISASI MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

#bandarayaberdayahuni2035

# 01 | RINGKASAN EKSEKUTIF

**Pelan Strategik MBAS**, disediakan dengan teliti dan komprehensif bertujuan bagi memastikan peningkatan hasil MBAS dan kualiti perkhidmatan MBAS berada pada landasan yang kukuh serta terancang dalam jangka sederhana dan jangka panjang supaya sebuah Bandaraya Berdayahuni dapat direalisasikan.

**Pelan Strategik MBAS** yang ketiga telah berakhir pada Disember 2023. Oleh itu, pembentukan Pelan Strategik yang baru bagi tempoh 2024-2028 (5 tahun) perlu digubal. Hasrat ini perlu diteruskan kerana Pelan Strategik merupakan hala tuju MBAS pada masa hadapan.

**Kerajaan Negeri Kedah** telah menetapkan strategi-strategi dalam Pelan Strategik yang dibentuk oleh PBT di negeri Kedah, ianya perlulah selari dengan Pelan Strategik Negeri Kedah selaras dengan resolusi hasil Bengkel Lab Transformasi Pelan Strategik dan pengurusan risiko yang diadakan pada November 2013 di Pulau Pinang.

**Visi** Pelan Strategik MBAS (2024-2028) ialah ‘Mentransformasikan Bandaraya Alor Setar Sebagai Bandaraya Berdayahuni’ dan **Misi** Pelan Strategik ialah ‘Memacu Kecemerlangan Majlis Bandaraya Alor Setar Yang Mapan Berteraskan Organisasi Berkualiti, Inovatif, Responsif Dan Komited Kepada Pembangunan Lestari Untuk Mencapai Perbandaran Berdayahuni 2035.

**Pelan Strategik 2024-2028** ini dirangka untuk menstrukturkan semula fizikal dan urus tadbir yang lebih mantap berasaskan kepada perancangan strategik ke atas pembangunan modal insan, pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan transformasi pengurusan organisasi yang lebih cekap dan sistematik. Selain itu, Pelan Strategik (2024-2028) ini bertujuan memacu penerapan budaya kualiti, inovasi, integriti, dan meningkatkan kapasiti produktiviti serta memantapkan budaya kerja berprestasi tinggi di kalangan warga kerja MBAS.




Bagi melancarkan pembentukan Pelan Strategik (2024-2028) satu bengkel telah diadakan pada 05 Oktober 2023 hingga 7 Oktober 2023 dan 5 Teras Pelan Strategik telah dibentuk seperti berikut :




# 02 | DATA PELAN STRATEGIK 2024-2028

## MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR


**TERAS STRATEGI PERTAMA**  
MEMPERKUKUHKAN KEWANGAN DAN PENINGKATAN  
EKONOMI UNTUK KESAJAHTERAAN RAKYAT




**TERAS STRATEGI KEDUA**  
MEREALISASIKAN ALOR SETAR KE ARAH BANDARAYA  
BERDAYAHUNI DAN KELESTARIAN ALAM



**TERAS STRATEGI KETIGA**  
TRANSFORMASI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN  
KEMUDAHAN AWAM




**TERAS STRATEGI KEEMPAT**  
MEMPERKASAKAN TADBIR URUS BAGI MEMANTAPKAN  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI



**TERAS STRATEGI KELIMA**  
MEMACU KE ARAH PENDIGITALAN DAN TEKNOLOGI  
PERKHIDMATAN




**JUMLAH KESELURUHAN**



# 03 | PERANAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

## 3.1 Latar Belakang

1. Sebelum tahun 1958, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ditadbir secara langsung oleh Kerajaan Negeri. Semua pegawai dan Ahli Majlis dilantik oleh Kerajaan Negeri. Hasil yang dipungut dan perbelanjaan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri. Pada masa itu, Pihak Berkuasa Tempatan dikenali dengan nama '**Sanitary Board**'.
2. Selepas tahun 1958, pentadbiran Bandar Alor Setar telah diberi taraf swatantra kewangan dan kawasan pentadbirkan seluas 7.36 km persegi. Bangunan pejabat ketika itu, adalah rumah kedai berderet 2 (dua) tingkat di Jalan Langgar (berhadapan bekas Pawagam Cathay sekarang). Pilihanraya bagi Pihak Berkuasa Tempatan telah diadakan pada tahun 1963 untuk memilih Ahli-ahli Majlis. Seramai 18 orang Ahli Majlis telah dipilih sebagai Ahli Majlis **Majlis Bandaran Alor Setar** untuk membantu dan memberi nasihat. Pentadbiran ini kekal sehingga 31 Disember 1970.
3. Kerajaan Negeri telah mengambil alih pentadbiran Majlis Bandaran Alor Setar dan YAB Menteri Besar Kedah diberi mandat memegang kuasa penuh mentadbir Majlis. Kawasan pentadbiran telah diperluaskan menjadi 18 km persegi. Mulai 1 Mac 1976, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kedah telah disusun semula di bawah Akta 124, Akta Kerajaan Tempatan 1973 dan mewujudkan '**Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kota Setar**' di mana kawasan pentadbirannya meliputi Daerah Kota Setar. Memandangkan Bandar Alor Setar adalah ibu negeri Kedah maka Kerajaan telah menaikkan tarafnya kepada '**Majlis Perbandaran Kota Setar**' mulai Februari 1978.




4. Mengikut Akta 124, Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) 1973, pentadbiran Majlis Bandaran Alor Setar telah disusun semula pada 1 Ogos 1975. Kawasan Lembaga Bandaran Kota Setar (Simpang Empat, Kota Sarang Semut dan Kuala Kedah), Majlis Tempatan Anak Bukit, Langgar dan Pokok Sena dimasukkan ke dalam kawasan pentadbiran satu Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamakan ‘Majlis Kerajaan Tempatan Kota Setar’. Pentadbiran ini berlanjutan sehingga 28 Februari 1978.

5. Pada 21 Mei 2003, Kabinet telah meluluskan supaya Majlis Perbandaran Kota Setar dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya Alor Setar. Pada 28 November 2003 dengan rasminya Majlis Perbandaran Kota Setar diisyiharkan sebagai ‘Majlis Bandaraya Alor Setar’ dengan kawasan pentadbiran seluas 666 km persegi. Perlantikan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar yang pertama dibuat pada 22 Disember 2003.

6. Sejak dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya Alor Setar, seramai tujuh orang telah dilantik sebagai Datuk Bandar untuk menerajui Majlis Bandaraya Alor Setar.

- i) Dato' Hj Yusof bin Nayan (mulai 28 November 2003 hingga 31 Oktober 2006)
- ii) Dato' Haji Mukhti bin Abdullah (mulai 1 November 2006 hingga 30 November 2008)
- iii) Dato' Hj Khazali bin Din (mulai 01 Disember 2008 hingga 30 Jun 2012)
- iv) Dato' Hj Mat Noh bin Ahmad (mulai 26 Julai 2012 hingga 26 Julai 2016)
- v) Dato' Haji Mohd Zohdi Bin Haji Saad (mulai 15 Ogos 2016 hingga 24 April 2022)
- vi) Dato' Zaid Bin Ahmad (mulai 15 Mei 2022 hingga 27 Oktober 2022)
- vii) Dato' Haji Mohd Yusri Bin Haji Mohd Daud (mulai 1 November 2022 sehingga kini)

7. Pelan Strategik MBAS ini dibentuk dengan mengambil kira peranan MBAS yang merangkumi bidang pengurusan, kewangan, perkhidmatan masyarakat dan infrastruktur awam seperti berikut :



### 3.2 SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

Pengurusan atasan Majlis Bandaraya Alor Setar diketuai oleh Datuk Bandar, Setiausaha, Pengarah Jabatan dan Ketua Bahagian. Majlis Bandaraya Alor Setar mempunyai 24 Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kedah. Ahli-ahli Majlis ini dilantik untuk membantu Datuk Bandar dalam membentuk dasar Majlis dan seterusnya untuk merealisasikan peranan Majlis Bandaraya Alor Setar.

Dari aspek pentadbiran MBAS, Majlis menujuhkan Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Majlis Penuh berperanan untuk membentuk sesuatu polisi dan dasar yang akan digunakan oleh seluruh anggota Majlis. Keanggotaan Jawatankuasa Tetap dan Majlis Penuh, terdiri daripada kalangan 25 orang Ahli Majlis iaitu 17 orang Ahli Majlis pelbagai bidang dan 8 orang daripada Agensi Kerajaan. Polisi, peraturan, undang-undang, pekeliling-pekeliling dan dasar yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Alor Setar, pada prinsipnya perlulah terlebih dahulu dipersetujui oleh Majlis Penuh.



### 3.3 SEKTOR KEWANGAN

Majlis Bandaraya Alor Setar merupakan pihak berkuasa tempatan yang memiliki kuasa Autonomi Kewangan (*Financial Autonomous*). Pengurusan kewangan dalam aspek perbelanjaan dan pendapatan diuruskan sepenuhnya oleh pengurusan Majlis. Sumber pendapatan Majlis Bandaraya Alor Setar adalah daripada hasil cukai (cukai pintu), hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Pada masa kini hasil cukai adalah penyumbang terbesar kepada pendapatan Majlis. Hasil cukai yang dipungut oleh Majlis setiap tahun adalah daripada 95,000 pegangan terdiri daripada premis perniagaan dan rumah kediaman. Sumber Hasil Bukan Cukai terdiri daripada hasil sewaan (meliputi sewaan premis perniagaan, gerai-gerai, petak pasar malam, tempat letak kereta), jualan barang, perolehan dari pelaburan, bayaran perkhidmatan, denda dan hukuman, bayaran pendaftaran dan permit. Terimaan bukan hasil pula terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan Am dan terimaan daripada agensi kerajaan.

### **3.4 SEKTOR INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN**

Perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis telah berkembang sejajar dengan perubahan proses perbandaran. Sejak wujudnya Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia, perkhidmatan teras Majlis secara konvensionalnya adalah berkaitan dengan kebersihan dan pengindahan dalam kawasan perbandaran. Kebersihan meliputi aspek pengurusan pengutipan dan pelupusan sampah domestik, kebersihan dan penyelenggaraan parit dan longkang perbandaran, pemotongan rumput, sementara pengindahan melibatkan keceriaan landskap. Namun kini, aspek kebersihan dari segi pengutipan dan pelupusan sampah telah diswastakan kepada SWCorp.

Perubahan kepada proses perbandaran menyebabkan perkhidmatan Majlis bertambah dan secara langsung bertanggungjawab dalam penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur jalan dalam kawasan perumahan, perhentian menunggu bas, stesen bas, penyediaan ‘street lighting’ keceriaan perlampuan, kawalan perniagaan penjaja, pengeluaran lesen premis, perniagaan, penyediaan lot-lot penjaja/gerai perniagaan, pengurusan tempat letak kereta, kawalan dan perancangan pembangunan, penguatkuasaan undang-undang, lalu lintas, menyediakan kesejahteraan hidup warga Bandaraya Alor Setar dan sebagainya.

### **3.5 SEKTOR KEMASYARAKATAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL**

Selain daripada perkhidmatan yang berteraskan aspek pertumbuhan, Majlis juga secara langsung terlibat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada komuniti. Tanggungjawab sosial ini juga merangkumi aspek keselamatan, pendidikan komuniti, ekonomi domestik, sukan, kebudayaan kesenian dan integrasi nasional serta lain-lain lagi yang terlibat dalam sektor ini bertujuan memberi kesejahteraan hidup kepada penduduk yang tinggal di Bandaraya Alor Setar.

Dasar-dasar kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam aspek tanggungjawab sosial, apabila diterima pakai oleh Majlis penuh, akan menjadi dasar MBAS untuk direalisasikan. Tanggungjawab sosial ini, memerlukan Majlis mengeluarkan apa jua kos dan menggunakan sumber yang ada dalam melaksanakan tanggungjawab sosial tersebut. Sumber-sumber ini termasuklah tenaga manusia, material, peralatan dan mesin serta sumber kewangan. Walaupun Majlis perlu mengeluarkan kos dan menggunakan sumber-sumber miliknya tetapi ianya masih lagi tertakluk kepada kemampuan kewangan dan sumber Majlis untuk melaksanakan tanggungjawab sosial ini.

# 04 | FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

Selaras dengan perubahan proses perbandaran, peranan Majlis Bandaraya Alor Setar juga turut berubah. Peranan Majlis ini boleh dikategorikan kepada dua sektor iaitu peranan Pengurusan Majlis kepada Anggota Majlis dan peranan Majlis kepada pelanggan-pelanggannya serta orang ramai. Peranan Majlis dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dalaman dan pelanggan luaran boleh diperincikan mengikut ‘core business’ jabatan iaitu :



## 4.1 JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. Bertanggungjawab menyelaras hal-hal ehwal pentadbiran Majlis, pentadbiran am, pengurusan mesyuarat luaran dan dalaman Majlis untuk mewujudkan sistem kualiti dan pengurusan kerja.
2. Bertanggungjawab terhadap pembangunan pengurusan sumber manusia MBAS dalam hal-hal penjawatan dan perkhidmatan untuk kakitangan serta kursus / latihan, hal-hal persaraan, khidmat nasihat, kaunseling dan khidmat teknikal pengurusan.
3. Bahagian ini membantu mendapatkan maklumat yang terkini dalam usaha mengkomputerisasikan keseluruhan fungsi-fungsi Majlis melalui penggunaan teknologi berasaskan komputer.



## 4.2 JABATAN PERANCANGAN KORPORAT DAN STRATEGIK

1. Bertanggungjawab dalam menyelaraskan program kualiti, dasar kualiti MBAS serta menguruskan aduan dalaman dan luaran MBAS.
2. Bertanggungjawab dalam mengawal hal-hal ehwal Pelan Strategik, Dasar Korporat, Penarafan Bintang Star Rating (SSR), MS ISO, Media Penerbitan, Sidang Media, Pencetakan serta menguruskan Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa.
3. Bertanggungjawab menguruskan platform utama media MBAS iaitu MBAS TV.
4. Bertanggungjawab dalam menguruskan semua platform media sosial MBAS dan juga portal rasmi MBAS.



### 4.3 JABATAN KEWANGAN

1. Bertanggungjawab menguruskan penerimaan semua hasil Majlis dengan cekap, efisien dan sistematik.
2. Bertanggungjawab menguruskan hal-hal pembayaran, anggaran belanjawan tahunan dan penyata kewangan tahunan.



### 4.4 JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

1. Bahagian Penilaian merupakan penggerak yang penting dalam menentukan pendapatan dalam bentuk cukai kepada MBAS di mana ia memainkan peranan penting dari sudut cukai taksiran dan caruman bantu kadar berdasarkan perundungan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
2. Bertanggungjawab menguruskan harta dan inventori MBAS untuk menaikkan hasil Majlis.
3. Memastikan penyelenggaraan harta bersama dilaksanakan secara teratur dan tersusun berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan bagi mewujudkan suasana harmoni dan selesa dalam kehidupan perkongsian harta bersama di kawasan pemajuan berstrata.



### 4.5 JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

1. Bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan permohonan kebenaran merancang, ubah jenis kegunaan tanah/pecah sempadan, pelan bangunan, tanah kerajaan, lesen perniagaan, lesen paparan iklan dan nama taman & jalan.
2. Bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan rancangan struktur, rancangan tempatan, pelan tindakan, projek khas, dan pengambilan balik tanah.



#### **4.6 JABATAN KEJURUTERAAN**

1. Membantu Jurutera di dalam kerja-kerja merancang keperluan projek pembangunan di Bandaraya Alor Setar.
2. Menjalankan kerja-kerja selaras dengan pemakaian Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987.



#### **4.7 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

1. Bertanggungjawab menguruskan sistem pengurusan pepejal dan pembersihan awam dengan kos yang efektif dan berkesan bagi mewujudkan suasana sihat, selamat, selesa dan sejahtera.
2. Bertanggungjawab dalam hal-hal pelesenan dan kawalan perniagaan dengan mengendalikan lesen tred (perniagaan dan perindustrian), establismen makanan, dan lesen iklan / kebenaran sepanduk / paparan iklan.
3. Bertanggungjawab dalam hal-hal pelesenan dan kawalan perniagaan dengan mengendalikan lesen penjaja dan sewa pasar pagi / malam.
4. Bertanggungjawab untuk menyelaraskan kerja-kerja sosial seperti mengawal kacau ganggu, pencemaran, haiwan merayau di samping kelihatan sosial seperti kawalan wabak.
5. Bertanggungjawab dalam mengawal tahap kebersihan kualiti makanan dari peringkat penyediaan hingga peringkat jualan dan menjalankan penguatkuasaan dari segi kebersihan.



#### **4.8 JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN**

1. Peranan utama MBAS adalah untuk memberi perkhidmatan yang menyeluruh dan terbaik kepada seluruh warga Alor Setar. Peranan ini mencakupi aktiviti-aktiviti yang berteraskan khidmat kemasyarakatan kepada seluruh warga Alor Setar.
2. Menjalankan memantapkan pentadbiran MBAS di daerah Pokok Sena demi kesejahteraan seluruh warga Pokok Sena dan kemajuan daerah Pokok Sena.
3. Peranan utama bahagian ini mencakupi aktiviti-aktiviti yang dapat membantu meningkatkan sektor sukan, pelancongan, rekreasi, kesenian dan kebudayaan di kalangan sektor awam, swasta, NGO, CBO, Pertubuhan Profesional, Persatuan-persatuan Beruniform dan sebagainya.



#### **4.9 JABATAN KAWALAN BANGUNAN**

1. Bertanggungjawab dalam menyelia semua proses kelulusan pelan bangunan yang dipermasukkan oleh pemaju bagi memastikan kehendak dan keperluan undang-undang yang berkaitan.
2. Bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang / akta bangunan serta merancang, melukis rekabentuk bangunan projek-projek Majlis dan pengawasan kerja-kerja binaan.

### **SENARAI BAHAGIAN DI BAWAH PEJABAT DATUK BANDAR**



#### **4.10 UNDANG-UNDANG**

1. Bahagian Undang-Undang diwujudkan dengan fungsi utamanya untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang digunakan dan yang diperuntukkan kepada Majlis disamping menggubal undang-undang dan peraturan baru mengikut keperluan semasa.



#### **4.11 AUDIT DALAM**

1. Bahagian audit dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi serta berperanan membantu Majlis mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.



#### **4.12 PENGUATKUASAAN**

Bertanggungjawab dalam menjalankan penguatkuasaan berteraskan undang-undang oleh agensi kerajaan, badan berkanun dan penguasa tempatan terhadap pelaku kesalahan.



#### **4.13 OSC (PUSAT SETEMPAT)**

1. Berfungsi untuk menerima permohonan seterusnya menyelaras dan memantau proses kelulusan permohonan pembangunan tanah secara serentak serta bertindak untuk memastikan kelulusan pemajuan tanah diperolehi dalam masa yang ditetapkan iaitu antara 4 hingga 6 bulan.



#### **4.14 BEKALAN DAN KONTRAK**

1. Mengurus bekalan dan perolehan barang-barang yang diperlukan melalui permohonan jabatan dan bahagian, penjualan dokumen tender dan sebutharga serta menjadi urusetia pengurusan aset Majlis.



#### **4.15 PENGURUSAN UTC KEDAH**

1. Bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal tadbir urus Bangunan UTC Kedah sebagai aset Majlis dari segi sewaan lot-lot agensi, sewaan kemudahan dan penyelenggaraan bangunan.



# ANALISIS **SWOT**

- **KEKUATAN (STRENGTHS)**
- **PELUANG (OPPORTUNITIES)**
- **KELEMAHAN (WEAKNESSES)**
- **ANCAMAN (THREATS)**



## KEKUATAN

- 
1. Sumber manusia yang kompeten, professional dan berintegriti.
  2. Pemilikan aset – aset tanah bernilai tinggi.
  3. Sikap untuk berdaya saing di kalangan anggota.
  4. Kerjasama Bestari Majlis dan swasta.
  5. Pengurusan dan kepimpinan yang baik.
  6. Mempunyai rancangan Pembangunan yang baik.
  7. *Teamwork* dan komitmen kakitangan yang tinggi.
  8. Kawasan Pembangunan MBAS mempunyai keluasan 333km persegi dan Kawasan pentadbiran MBAS berkeluasan 666km persegi.
  9. Pencapaian 5 Bintang Penarafan Bintang (SSR), pencapaian 5 bintang Akauntabiliti, pencapaian Pensijilan Amalan Persekutaran (5S).
  10. Amalan sistem berkualiti MS ISO 9001:2015, ISMS 27001:2013, MS ISO 37001:2016.
  11. Responsif kepada tindakan aduan pantas.
  12. Menambah baik perkongsian data terbuka dan memastikan data dapat diakses oleh orang awam.
  13. Menggunakan media sosial sebagai medium hebahan dan salah satu kaedah pengumpulan data dalam melaksanakan pembangunan PBT.
  14. Sistem E-billing telah digunakan.
  15. Usaha-usaha menambah dan mempelbagaikan punca hasil dalam usaha mengurangkan kebergantungan ke atas hasil cukai taksiran.
  16. Keutuhan pentadbiran MBAS yang kukuh dan berintegriti.
  17. Mengenalpasti sumber kewangan yang baru.

## PELUANG



1. Sokongan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
2. Sokongan Kerajaan Persekutuan, NGO-NGO dan komuniti perniagaan.
3. Terdapat hasil baru (Bukan Cukai) yang belum diterokai.
4. Bandaraya Alor Setar adalah Ibu Negeri Kedah.
5. Wujud Kawasan pembangunan baru yang berpotensi untuk dikutip hasil.
6. Memiliki tempat-tempat menarik dan tempat bersejarah dalam lingkungan Bandaraya Alor Setar.
7. Sungai Kedah yang belum diterokai yang boleh dibangunkan.
8. Mempunyai produk pelancongan domestik yang amat besar.
9. Keadaan politik yang stabil.
10. Operasi Landasan Keretapi Berkembar 2 stesen di Alor Setar (Limbong Kapal dan Anak Bukit).
11. Alor Setar salah satu pintu masuk utama ke Langkawi Bandaraya Pelancongan.
12. Wujud syarikat antarabangsa di Kawasan Perindustrian Mergong.
13. Sebuah Bandaraya yang unik, dikelilingi sawah padi.
14. Keupayaan memenuhi keperluan masyarakat Alor Setar.
15. Pemantapan program penambahbaikan Infrastruktur kawasan industri dan perdagangan.
16. Mengalakkan penerapan pembangunan hijau.
17. Persekutaran jalinan kerjasama perkhidmatan awam dan swasta.
18. Trend pembangunan semasa.

## KELEMAHAN

- 
1. Sumber kewangan kurang kukuh dan terhad.
  2. Tiada incentif untuk menggalakkan pelaburan.
  3. Kurang plot kawasan pembangunan tujuan industri.
  4. Masih menggunakan kadar lama untuk penilaian cukai.
  5. Kekangan Penguatkuasaan.
  6. Kakitangan yang kurang kompeten.
  7. Kekurangan penggunaan teknologi dan inovasi terkini.
  8. Bangunan pejabat yang tidak kondusif.
  9. Peralatan kerja yang terhad.
  10. Tanah Majlis yang terhad untuk dibangunkan secara komersial.
  11. Kos pemajuan harta tanah yang tinggi harta tanah perumahan yang tinggi.
  12. Tidak mempunyai kekuatan modal dalam bentuk tunai di bank.
  13. Tidak mempunyai simpanan dana yang mencukupi sekurang-kurangnya bagi tempoh 6 bulan.
  14. Kefahaman warga Alor Setar terhadap polisi atau dasar MBAS rendah.
  15. Kefahaman warga Alor Setar terhadap pelaksanaan pembangunan mampan hijau.
  16. Kekurangan kemudahan taman rekreasi di sekitar Alor Setar.
  17. Ketidakpatuhan warga Alor Setar terhadap undang-undang yang ditetapkan.
  18. Kewujudan lambakan peniaga haram.
  19. Prospek kerjaya kenaikan pangkat yang terhad.
  20. Tunggakan bayaran kompaun.
  21. Rangkaian perhubungan dengan agensi luar yang kurang mantap.
  22. Tiada peruntukan undang-undang yang khusus dan jelas.
  23. Tadbir urus organisasi kurang sistematik.
  24. Penggunaan ICT tidak optimum.
  25. Pelaksanaan transformasi MBAS kearah Bandar Rendah Karbon kurang efisien.
  26. Warga MBAS tidak bersedia menerima perubahan selaras dengan arus pembangunan semasa.
  27. Kekurangan kakitangan dan peralatan.
  28. Warga MBAS kurang penghayatan terhadap modul kursus/bengkel yang telah dirangka dan dilaksanakan.
  29. Kerosakan peralatan yang berulang.
  30. Peralatan dan sistem yang ketinggalan dan uzur.
  31. Kebocoran maklumat operasi.
  32. Pembudayaan ICT kurang menyeluruh.
  33. Kurang komunikasi dengan komuniti dan *stakeholder*.
  34. Penguatkuasaan dalam kutipan hasil kurang efisien.

## ANCAMAN

1. Campur tangan politik dan pihak berkepentingan dalam urusan pentadbiran dan penguatkuasaan Majlis.
2. Kelembapan ekonomi dunia mempengaruhi pendapatan penduduk.
3. Kelembapan ekonomi dunia mengekang kemasukan pelabur dan menjelaskan sektor pelancongan.
4. Persaingan pembangunan dengan pihak berkuasa tempatan yang lain.
5. Peningkatan kos sara hidup.
6. Isu vandalisme kemudahan awam dan harta Majlis yang tinggi dan masalah gejala sosial di kalangan penduduk amat tinggi.
7. Tiada bantuan kewangan dalam bentuk geran tahunan dari kerajaan negeri Kedah Darul Aman.
8. Kurang kesedaran pembayar cukai.
9. Harapan yang tinggi daripada penduduk.
10. Ketidakpatuhan komuniti terhadap peraturan dan undang-undang.
11. Kurang kesedaran komuniti terhadap penjagaan alam sekitar (KSAS).
12. Persaingan ekonomi daripada negara jiran.
13. Jurang digital dikalangan komuniti.
14. Kawasan pembangunan yang terhad.
15. Kajian pembangunan organisasi dan sumber manusia yang tidak dikaji dan tidak relevan.
16. Akta-akta yang berkaitan digunakan oleh MBAS sudah lapuk dan tidak dikaji di peringkat negeri.
17. Halangan komunikasi dengan pihak luar.
18. Perkembangan teknologi ICT yang pantas.
19. Pemerkasan jawatan tidak diselaraskan bagi semua peringkat jawatan oleh Kerajaan Negeri.
20. Kekangan peruntukan untuk pembangunan dan infra.
21. Tiada insentif ditawarkan kepada pelabur.
22. Peruntukan tidak mencukupi.
23. Peruntukan pembangunan lewat diterima.
24. Pekeliling dan arahan baru berkaitan caj tambahan cukai hasil.
25. Persekutaran kerja luar yang berisiko.
26. Penularan wabak atau penyakit.



# VISI

“

MENTRANSFORMASIKAN  
BANDARAYA ALOR SETAR  
SEBAGAI BANDARAYA  
BERDAYAHUNI

”

# MOTTO

“

ILTIZAM  
AMALAN  
KITA

”

# MISI

“

MEMACU KECEMERLANGAN  
MAJLIS BANDARAYA ALOR  
SETAR YANG MAPAN  
BERTERASKAN ORGANISASI  
BERKUALITI, INOVATIF,  
RESPONSIF DAN KOMITED  
KEPADА PEMBANGUNAN  
LESTARI UNTUK MENCAPAI  
PERBANDARAN  
BERDAYAHUNI 2035

”



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

# 10 | NILAI-NILAI BERSAMA MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

10.1

## BERDISIPLIN

Menjaga perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tugas dan bertanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan negara di mata masyarakat.

10.2

## AMANAH

Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan akuanji yang telah diikrarkan.

10.3

## KERJA BERPASUKAN

Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur, sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai Visi dan Misi Majlis Bandaraya Alor Setar.

10.4

## TELUS

Sentiasa bersikap positif dengan mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang diambil kepada pihak yang berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.

10.5

## ADIL

Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputuan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat. Penilaian terhadap sesuatu tindakan atau keputusan dibuat secara objektif dengan menggunakan kaedah yang betul serta memuaskan semua.

10.6

## INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh.

10.7

## CEKAP DAN BERKESANAN

Mempunyai produktiviti yang tinggi dan berkualiti dalam perkhidmatan serta mampu memberi hasil yang terbaik untuk Bandaraya Alor Setar.

10.8

## AKAUNTABILITI

Nilai bersama terdahulu ialah Berdisiplin, Amanah, Kerja Berpasukan, Telus, Adil, Integriti.



# TERAS 1

---

PENGUKUHAN KEWANGAN DAN  
PENINGKATAN EKONOMI UNTUK  
KESEJAHTERAAN PENDUDUK



## TERAS STRATEGI PERTAMA : MEMPERKUKUHKAN KEWANGAN DAN PENINGKATAN EKONOMI UNTUK KESEJAHTERAAN PENDUDUK

STRATEGI UTAMA		PELAN TINDAKAN UTAMA	INDIKATOR PRESTASI (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (2024-2028)
S 1  Peningkatan kutipan hasil dan penerokaan sumber baharu.	P 1	Mengukuhkan saluran kutipan sedia ada dan pembayaran dalam talian.	Menggalakkan pembayaran secara <i>cash/less</i> di Kaunter ibu Pejabat, Kaunter UTC dan Kaunter Pokok Sena.	Transaksi kutipan di kaunter secara <i>cash/less</i> meningkat sebanyak 12% setiap tahun.
			Perkhidmatan pembayaran online secara <i>Online Banking</i> , Jompay dan PBTPay.	Meningkatkan transaksi kutipan hasil secara dalam talian melebihi 60% pada 2028.
			Penambahan mesin kiosk pembayaran hasil.	2 unit kiosk baru.
	P 2	Menambah saluran kutipan baru.	Perkhidmatan kutipan hasil luar menggunakan terminal <i>Handheld</i> .	25 unit terminal <i>handheld</i> disediakan.
			Kolaborasi kutipan hasil inter PBT dan lain-lain agensi (Pejabat Tanah).	1 kolaborasi dengan mana-mana agensi.
	P 3	Memperkasakan kaedah kutipan hasil secara pintar. (Inisiatif <i>Smart City</i> )	Menghantar pelbagai bil hasil secara digital (E-bil) i. Sewaan ii. Pelesenan iii. Pelbagai iv. Kompaun TLK	Penggunaan sistem E-bil sepenuhnya pada tahun 2026.
			Mengadakan kaunter bergerak menggunakan teknologi Hybrid.	Penggunaan sepenuh teknologi Hybrid akan digunakan pada tahun 2028.
			<i>Smart Kiosk</i> secara pandu lalu.	1 Unit <i>Smart Kiosk</i> pandu lalu disediakan..
			Mewujudkan <i>Smart-Bill</i> untuk semua jenis hasil.	Menambah bilangan fungsi sistem e-bil sedia ada.
			Membangunkan sistem / Aplikasi E-Lesen	Pembangunan sistem pada tahun 2026-2028.
	P 4	Menguatkuasakan tindakan ke atas pegangan bercukai yang mempunyai tunggakan cukai harta di bawah Seksyen 148 dan Sek. 151 (Akta 171).	Permohonan bayaran ansuran (cukai taksiran / sewa) secara dalam talian.	Pembangunan sistem pada tahun 2026-2028.
			Mengadakan sekatan secara dalaman untuk semua permohonan di MBAS.	Pembangunan sistem pada tahun 2026-2028.

## TERAS STRATEGI PERTAMA : MEMPERKUKUHKAN KEWANGAN DAN PENINGKATAN EKONOMI UNTUK KESEJAHTERAAN PENDUDUK

STRATEGI UTAMA		PELAN TINDAKAN UTAMA	INDIKATOR PRESTASI (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (2024-2028)
S 2 Peningkatan kutipan hasil dan penerokaan sumber baharu.	P 1	Kewajipan melaksanakan kerja-kerja Penilaian Semula lima (5) tahun sekali. (Seksyen 137, Akta 171).	Mewujudkan sistem penilaian semula.	Pembangunan sistem siap sepenuhnya pada tahun 2027.
	P 2	Meningkatkan senarai pegangan harta khas.	Menilai pegangan baru-pencawang TNB.	200 unit pencawang.
			Menilai pegangan baru-Tangki simpanan SADA.	50 unit tangki simpanan.
			Menilai pegangan baru-loji rawatan enap cemar IWK.	2 logi rawatan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Centralised Sewerage Treatment Facility (CSTF) 2025</i></li> <li>• <i>Centralised Sewerage Treatment Plan (CSTP) 2026</i></li> </ul>
	P 3	Menyemak pindaan bangunan kerajaan untuk tuntutan SMK.	Bangunan Kerajaan Persekutuan.	13 kementerian.
			Bangunan Kerajaan Negeri.	137 pegangan.
			Bangunan Badan Berkanun.	17 agensi.
	P 4	Mempelbagai promosi kutipan hasil bagi meningkatkan kesedaran pemilik harta.	Mewajibkan Ahli Majlis mengadakan program libat urus di kawasan masing-masing.	12 kali setahun.
	P 5	Membentuk kumpulan petugas khas bagi melakukan aktiviti penguatkuasaan kutipan hasil.	Mengadakan operasi bersepadu antara jabatan dalaman dan agensi luaran.	2 kali setahun.
	P 6	Mengadakan sekatan yang mempunyai tunggakan hasil yang tinggi.	Kaveat tanah.	12 kes setahun.
			Senarai hitam untuk semua permohonan.	Pembangunan sistem pada tahun 2026-2028.
	P 7	Semakan semula kadar sewaan premis Majlis.	Semakan kadar sewa premis komersial dan bukan komersial.	1 kali dalam tempoh 5 tahun.
	P 8	Membuat pengisian premis-premis yang kosong.	Promosi berterusan.	12 kali setahun.
	P 9	Mengkaji semula kadar kenaan wang proses dan fi perkhidmatan.	Semakan semula kadar fi, caj perkhidmatan, permit dan lain-lain kenaan yang dikenakan oleh MBAS.	1 kali dalam tempoh 5 tahun.

## TERAS STRATEGI PERTAMA : MEMPERKUKUHKAN KEWANGAN DAN PENINGKATAN EKONOMI UNTUK KESEJAHTERAAN PENDUDUK

STRATEGI UTAMA		PELAN TINDAKAN UTAMA	INDIKATOR PRESTASI (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (2024-2028)
S 2 Peningkatan kutipan hasil dan penerokaan sumber baharu.	P 10	Mengenakan cukai taksiran dan lesen ke atas pegangan yang belum mendapat kelulusan binaan.	Mewujudkan garis panduan khusus bagi membolehkan cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan yang mempunyai isu berkaitan syarat guna tanah.	2024-2025.
	P 11	Meningkatkan hasil pelesenan.	Semakan semula fi, Penggubalan dan semakan undang-undang kecil baru berkaitan pelesenan seperti : i. UUK Pengendali Makanan ii. UUK Kolam Renang iii. UUK Tandas Awam iv. UUK Hotel	5 tahun sekali.
	P 12	Memudahkan permohonan lesen penjaja di bahu jalan.	Mewujudkan garis panduan khusus permohonan lesen penjaja.	1 garis panduan dibangunkan.
	P13	Meningkatkan tahap pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas premis dan penjaja.	Mengadakan sistem penguatkuasaan. E-Kompaun.  Penyelesaian kes IP di luar Mahkamah.	Dalam tempoh (2026- 2028.)  Menyelesaikan 50% IP setiap bulan.
	P 14	Kenaan hasil cukai baru.	Kilang diluar Zon Industri.  Jeti Persendirian.  Billboard.	3 kilang setahun.  2 jeti setahun.  50 Unit setahun.
	P 15	Penyelarasan tarikh 31 Disember setiap tahun dan pelunasan tunggakan sebelum dibuat perbaharuan perjanjian bagi premis komersial dan bukan komersial.	Pembaharuan proses kerja.	Dilaksanakan pada 2026.

## TERAS STRATEGI PERTAMA : MEMPERKUKUHKAN KEWANGAN DAN PENINGKATAN EKONOMI UNTUK KESEJAHTERAAN PENDUDUK

STRATEGI UTAMA		PELAN TINDAKAN UTAMA	INDIKATOR PRESTASI (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (2024-2028)
S3  Memantapkan kerjasama strategik dan pengurusan projek penswastaan berkesan.	P 1	Melantik rakan strategik bagi pembangunan tanah hak milik MBAS.	Memaksimumkan penggunaan tanah Majlis bersama agensi yang berminat. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tapak teksi limpong kapal</li> <li>• Lot kosong hadapan MADA</li> <li>• Keriang pulau</li> </ul>	1 MOU ditandatangani.
	P 2	Melantik Rakan Strategik bagi memberi hak pengurusan bangunan milik MBAS.	Menguruskan bangunan dengan lebih sistematis. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kompleks Kolam Renang, Jalan Stadium</li> <li>• Terminal Bas Shahab Perdana</li> </ul>	1 MOU ditandatangani.
	P 3	Memantau kutipan hasil projek penswastaan.	Melaporkan prestasi hasil di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian dan Hasi.l	12 kali setahun.
S 4  Pemantauan ketirisan hasil.	P 1	Mewujudkan sistem GIS.	Menaik taraf sistem GIS secara bersepadu.	Sistem digunakan sepenuhnya pada 2025.
	P 2	Pindaan nilai tambahan cukai taksiran mengikut permohonan tambahan bangunan.	Mewujudkan Sistem <i>E-Submission</i> .	Pembangunan sistem pada tahun 2026.
S 5  Merancakkan aktiviti ekonomi Bandaraya.	P 1	Mengadakan kerjasama strategik dengan agensi berkepentingan.	Kerjasama dengan Malaysia Airport Berhad untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim sebagai hub penerbangan terus haji.	Dilaksanakan pada 2026.



# TERAS 2

---

MEREALISASIKAN ALOR SETAR  
KE ARAH BANDARAYA  
BERDAYAHUNI



## TERAS STRATEGIK KEDUA : MEREALISASIKAN ALOR SETAR KE ARAH BANDARAYA BERDAYAHUNI DAN KELESTARIAN ALAM

STRATEGI UTAMA		PELAN TINDAKAN UTAMA	INDIKATOR PRESTASI (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (2024-2028)
S1 Memacu Alor Setar ke arah Bandar Rendah Karbon.	P1	Mobiliti. (SDG 11)	Laluan Pejalan kaki.	Menaik taraf laluan OKU (1 Tahun 1 Jalan).
			Laluan Basikal.	Menaiktaraf laluan basikal di Pokok Sena 2025.
			Pengangkutan rendah karbon.	Semua pembangunan baru diwajibkan menyediakan tempat pengecasan EV efektif 2024
			Pengangkutan awam yang efisien.	Penggunaan bas elektrik 2028.
	P2	Tenaga. (SDG7)	Penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE).	Pengurangan 30% bil elektrik 2026 disemua Bangunan MBAS.
			Pengurangan pembuangan sisa pepejal.	Syarat kepada semua pembangunan baru diwajibkan mulai 2024.
	P3	Sisa. (SDG 6)	Pengurangan pembuangan sisa pepejal.	Pengurangan sampah 20% menjelang tahun 2025.
			Pengasingan sisa pepejal (3R).	Semua perumahan baru disyaratkan menyediakan tong pengasingan sisa (Tong 3R) tahun 2024 dan semua perumahan lama disediakan tong 3R tahun 2025.
			Tahap kesedaran awam mengenai 3R. meningkat	Program kempen kesedaran 5 kali setahun.
	P4	Air. (SDG6, SDG14)	Kecekapan penggunaan air.	Pengurangan NRW sebanyak 25% tahun 2028.
			SPAH.	Semua pembangunan baru diwajibkan mulai 2024.
